



Isra'iliyyat dan Hadith Palsu dalam Kitab-kitab Tafsir

Edisi Baharu

Oleh:
DR. MUHAMMAD BIN MUHAMMAD ABU SYAHBAH

Terjemahan:
HASNAN BIN KASAN

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Isra'iliyyat

dan Hadith Palsu dalam Kitab-kitab Tafsir

Edisi Baharu

Oleh:
DR. MUHAMMAD BIN MUHAMMAD ABU SYAHBAH

Terjemahan:
HASNAN BIN KASAN

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Penerbit :
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
www.islam.gov.my

Cetakan pertama 2006
Cetakan kedua 2014
©DR. MUHAMMAD BIN MUHAMMAD ABU SYAHBAH

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan, buku ini dalam apa bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abu Syahbah, Muhammad bin Muhammad
Isra' illiyat & hadith palsu dalam kitab-kitab tafsir / oleh: Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah; terjemahan: Hasnan Bin Kasan.

ISBN: 983-042-305-0

1. Koran-Hermeneutics. 2. Hadith-Hermencutic. 3. Koran-Criticism, interpretation, etc. 4. Hadith-Criticism, interpretation, etc. 1. Hasnan bin Kasan
II. Judul
297.1226

Dicetak dan Atur huruf oleh / *Printed and Typeset by*
REKA CETAK SDN. BHD.
No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D
Seksyen 16, 40200 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
www.rekacetak.com

KANDUNGAN

PRAKATA KATA PENGANTAR

xi
xiii

BAB PERTAMA

PENGERTIAN *ISRA’ILIYYAT, HADITH MAUDHU’ dan TAFSIR*

<i>Isra’iliyyat</i>	1
Hadith <i>Maudhu’</i> (al- <i>Maudhu’</i>)	5
Hukum Melakukan Pendustaan terhadap Rasulullah SAW	7
Hukum Riwayat Hadith <i>Maudhu’</i> dan <i>Isra’iliyyat</i> yang Batil	10
Amaran bagi Orang yang Meriwayatkan Hadith <i>Maudhu’</i> yang Dusta	10
Bilakah Bermulanya Penciptaan Hadith <i>Maudhu’</i>	13
Ringkasan Gerakan Penciptaan Hadith <i>Maudhu’</i>	17
Tafsir	19
Takwil	21
Keperluan kepada Ilmu Tafsir	23
Tafsir antara Ilmu yang Paling Mulia	28
Ilmu ilmu yang Diperlukan oleh Ahli Tafsir	29
Ilmu Lain yang Diperlukan oleh Ahli Tafsir	37
Ayat yang Boleh Ditafsirkan dan Ayat yang Tidak Boleh Ditafsirkan	40

BAB KEDUA

KATEGORI TAFSIR

Tafsir Secara <i>Ma’tur</i>	47
Tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an	48
Tafsir al-Qur'an dengan as-Sunnah	52
Sebab-sebab Para Sahabat Tidak Menukilkhan Semua Tafsir daripada Nabi SAW	56
Sebab-sebab Mengapa Hadith yang Berkaitan dengan Tafsir yang Dinukilkhan daripada Nabi adalah Kurang Berbanding dengan Hadith Berkaitan Hukum-Hakam	57

Isra'iliyyat & Hadith palsu Dalam Kitab-kitab Tafsir

Hadith yang Ditolak dan Asing	59
Contoh Tafsir al-Qur'an dengan as-Sunnah	59
Tafsir Sahabat	63
Pendapat Sahabat dalam Tafsir	65
Tafsir Tabi'in	69
Ahli Tafsir daripada Kalangan Para Sahabat	70
Ahli Tafsir daripada Kalangan Tabi'in	77
Madrasah-madrasah Tafsir	77
Madrasah Mekah	78
Madrasah Madinah	81
Ahli Tafsir dari Madrasah Iraq	82
Madrasah Syam	85
Madrasah Mesir	86
Madrasah Yaman	86
Golongan Ahli Tafsir secara <i>Ma'thur</i> pada Peringkat yang Lain	87
Tingkatan Ahli Tafsir Selepas Tingkatan di Atas	87
Membuang Sanad dan banyaknya Penambahan Asing	88
Kitab-kitab Tafsir Berbeza mengikut Ilmu Pengetahuan Pengarangnya	88
Tafsiran-tafsiran yang Diada-adakan, Tafsir Batin dan Tafsir Mulhid	90
Tafsir secara Bukan <i>Ma'thur</i>	93
Perbincangan Terhadap Dalil-dalil yang Lalu	95
Harus Menafsirkan al-Qur'an dengan Menggunakan Pendapat dan Ijtihad	98
Tafsir dengan Pendapat yang Dikeji dan yang Dipuji	99
<i>Manhaj</i> Yang Lurus dalam Mentafsirkan al-Qur'an	99
Banyak Hadith <i>dhaif</i> dalam Tafsir secara <i>Ma'thur</i>	102
Pandangan Ulama' Silam Tentang Fenomena Ini	103
Sebab Banyak Hadith <i>Dhaif</i> dalam Tafsir Secara <i>Ma'thur</i>	103
Antara Punca Hadith <i>Dhaif</i> dan <i>Maudhu'</i> dalam Tafsir	104
Bahaya Menjadikan Riwayat <i>Isra'iliyyat</i> Ini <i>Marfu'</i> kepada Nabi SAW	114
<i>Isra'iliyyat</i> yang Mauquf kepada Sahabat dan Tabi'in	115
Keprihatinan Ahli Hadis	115
Sebahagian Sanad <i>Isra'iliyyat</i> adalah <i>Sahih</i>	117
Riwayat Palsu Bukan Bermakna Perawi yang Mereka-rekanya	117
Bahagian <i>Isra'iliyyat</i>	129
Sebab-sebab Kesilapan dalam Tafsir secara <i>Ma'thur</i> dan dalam Tafsir secara Ijtihad	140

Kata Pengantar

Tafsir Muktazilah	142
Tafsir Ibn Jarir, Ibn Atiyah dan yang Seumpamanya	142
Perselisihan Pendapat antara Salaf dalam Tafsir adalah Perselisihan Pelbagai	145
Pertentangan antara Tafsir secara <i>Ma'thur</i> dan Tafsir Secara Ijtihad dan Tarjih antara Kedua-duanya	150
Kitab-kitab Tafsir secara <i>Ma'thur</i>	153
Kitab-kitab yang Menggabungkan antara Tafsir secara <i>Ma'thur</i>	157

BAB KETIGA

SOROTAN RINGKAS TERHADAP KITAB-KITAB TAFSIR SECARA PENDAPAT dan IJTIHAD YANG MASYHUR

1. <i>Al-Kashaf 'an Haqaiq al-Tanzil wa U'yun al-Aqawil</i>	163
2. <i>Tafsir Mafatih al-Ghaib</i>	166
3. <i>Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil</i>	168
4. <i>Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an wal-Mubayin lima Tadhamanuhu min al-Sunnah wa Ai al-Furqan</i>	170
5. <i>Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Takwil</i>	172
6. <i>Lubab al-Takwil fi Ma'ani al-Tanzil</i>	173
7. <i>Tafsir al-Bahru al-Muhit</i>	175
8. <i>As-Siraj al-Munir fi al-I'anah ala Makrifah Ba'dhu Ma'ani Kalam Rabbuna al-Hakim al-Khabir</i>	176
9. <i>Irsyad al-Aql al-Salim ila Mazaya al-Qur'an al-Karim</i>	178
10. <i>Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an wa al-Sab'ul Mathani</i> Kritikan Ringkas Terhadap Tafsir Secara <i>Ma'thur</i>	180
Kritikan Terperinci Terhadap Saluran <i>Sanad</i> dan <i>Perawi</i>	183
	184

BAB KEEMPAT

CONTOH-CONTOH ISRA'ILIYYAT

1. Kisah Harun dan Marut	197
2. Makhluk-makhluk Jelmaan	206
3. Pembinaan Ka'bah Baitullah al-Haram dan Hajar al-Aswad	208
4. Kisah at-Tabut	210
5. Kisah Nabi Daud AS membunuh Jalut	216
6. Kisah Para Nabi dan Umat Terdahulu	221
7. Kisah Diriwayatkan tentang Nabi Adam AS	222
8. Kisah Tubuh Badan <i>al-Jabbarin</i> yang Besar dan khurafat Uj bin Uq	229

Isra'iliyyat & Hadith palsu Dalam Kitab-kitab Tafsir

9. Kisah Padang Pasir Tih	235
10. Kisah hidangan yang Dituntut oleh Hawariyun	239
11. Kisah Nabi Musa AS meminta kepada Tuhan untuk melihatnya	250
12. Kisah papan tulisan Taurat	255
13. Sebab-sebab Kemarahan Nabi Musa AS ketika Melemparkan kepingan Taurat	258
14. Kisah Bani Israil	262
15. Kisah Nabi Adam AS dan Hawa	266
16. Kisah Kapal Nabi Nuh AS	277
17. Kisah Nabi Yusuf AS	280
18. Kisah Pokok Tuba	303
19. Orang yang melakukan kerosakan terhadap Bani Israil	307
20. Kisah Ashabul Kahfi	317
21. Kisah Zulkarnain	320
22. Kisah Yakjuj dan Makjuj	325
23. Kisah Balqis Raja Saba'	329
24. Kisah Hadiyah Raja Saba' (Balqis) kepada Nabi Sulaiman AS	332
25. Kisah Penyembelihan dan yang Disembelih itu ialah Nabi Ishak AS	334
26. Kisah Nabi Ilyas AS	345
27. Kisah Nabi Daud AS	350
28. Kisah Nabi Sulaiman AS	359
29. Kisah Nabi Ayub AS	366
30. Kisah Iramazatil 'Imad	378

BAB KELIMA

ISRA'ILIYYAT DAN KHURAFAT

<i>Isra'iliyyat</i> dan Khurafat yang Berkaitan dengan Usia Dunia. Asal Usul kejadian. Rahsia Kewujudan dan Ulasan Terhadap Beberapa Fenomena Alam yang Berlaku	385
<i>Isra'iliyyat</i> Berkaitan dengan Usia Dunia	388
Kisah Berkenaan Kejadian Matahari dan Bulan	389
Kisah-kisah yang Berkaitan dengan Fenomena Alam	391
Hadis yang Disebut oleh Mufassir tentang Guruh dan Kilat	396
Ucapan Rasulullah SAW ketika Mendengar Guruh dan Melihat Kilat	400

Kata Pengantar

Pandangan Sains Terhadap Guruh, Kilat dan Petir	401
Dakwaan Kewujudan Bukit Qaf dan Kejadian Gempa Bumi	404
Riwayat <i>Isra'iliyyat</i> dalam Mentafsirkan (ن والقلم)	408

BAB KEENAM

HADITH MAUDHU' dan KITAB TAFSIR

Hadith <i>Maudhu'</i> Berkenaan Fadhilat Surah-surah dalam al-Qur'an	412
Hadith Ubai bin Ka'ab	413
Hadith-Hadith <i>Maudhu'</i> yang diriwayatkan daripada selain Ubai bin Ka'ab	415
Hadith-hadith <i>Maudhu'</i> Berkenaan <i>Asbab an-Nuzul</i>	418
Hadith yang Menyebut Kisah Zainab binti Jahsy RA	437
<i>Asbab an-Nuzul</i> yang Masyhur Diperkatakan Tetapi Termasuk <i>Maudhu'</i>	445
<i>Asbab an-Nuzul</i> yang terdapat Pengaruh <i>Asabiyah</i> Politik Pendapat yang Menjelaskan Makna <i>Ma'idah</i> ialah Rumah Penyakit dan Diet Merupakan Ibu Segala Ubat	447
Hadith (أَنَابْنَ لَبِيَحْيَى)	451
Tafsir golongan Syi'ah	452
Beberapa <i>Qira'at</i> yang <i>Maudhu'</i>	453

PENUTUP

PRAKATA

Al-Qur'an dan hadith merupakan sumber rujukan utama umat Islam. Dalam memahami al-Qur'an muncul pelbagai kitab tafsir menurut ilmu dan arus pemikiran pengarang. Dalam hal ini terdapat pelbagai corak penafsiran sama ada Tafsir *bil-Ma'thur* atau Tafsir *bir-Ra'yi*. Dalam mentafsirkan al-Qur'an terdapat sebahagian pengarang memasukkan berita-berita *Isra'iliyyat* dan hadith-hadith palsu (*maudhu'at*) sebagai menyokong tafsiran mereka.

Melihat pentingnya ilmu ini diketahui dan dikongsi bersama, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia mengambil inisiatif untuk melaksanakan kerja-kerja terjemahan ke dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, buku yang ditulis oleh Dr. Muhammad bin Abu Syahbah ini diterjemah dan diterbitkan demi kepentingan agama Islam. Selain kerja-kerja terjemahan, penterjemah turut melakukan olahan dan susunan semula ke dalam bahasa Melayu menurut pemahaman penterjemah. Semoga lahirnya buku ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada semua umat Islam dalam memelihara kesucian ajaran Islam dan perkembangannya.

Sesungguhnya tidak ada yang sempurna selain Allah SWT, begitu juga dalam penyusunan buku ini. Sebarang cetusan idea dan pandangan amatlah dialukan demi kesucian dan kemurnian ajaran Islam. Akhir kata, semoga buku ini dapat memberi pengetahuan yang berguna ke arah melahirkan insan yang berkualiti di dunia dan di akhirat.

Penerbit

KATA PENGANTAR

Dengan Nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah SWT yang telah menurunkan al-Qur'an kepada hamba-Nya Muhammad SAW sebagai bimbingan yang lurus, yang tidak akan terseleweng oleh keinginan individu-individu, tidak akan dicampuri oleh kata-kata manusia, tidak akan dicampuri oleh penyelewengan dan tukar ganti serta tidak akan dipengaruhi oleh orang yang ingin melakukan kebatilan. Firman Allah SWT:

وَإِنَّهُ وَلَكِتَبٌ عَزِيزٌ ﴿٤١﴾ لَا يَأْتِيهِ الْبَطْلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya sebuah Kitab Suci yang tidak dapat ditandingi, Yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan seginya; ia diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji.”

(Surah Fussilat: 41-42)

Selawat dan salam ke atas penghulu dan nabi kita Muhammad SAW yang disokong dengan al-Qur'an sebagai mukjizat yang paling besar dan sebagai ayat-ayat yang kekal sepanjang zaman serta kitab yang diwakilkan oleh Allah SWT kepada Baginda untuk mentafsirkan dan menghuraikanya. Allah SWT berfirman:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْذِكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ
وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: “... dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.”

(Surah Al-Nahl: 44)

Selawat dan salam ke atas para keluarga dan sahabat baginda serta ke atas orang yang telah mengambil petunjuk daripada baginda.

Prof. Dr Abdul Halim Mahmud, Setiausaha Agung *Majma' Buhuth al-Islamiah* di Universiti al-Azhar iaitu universiti yang dipenuhi dengan ilmu dan ulama' telah menggalakkan penulis untuk mengarang sebuah buku yang menjelaskan tentang *Isra'iliyyat* yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir serta menyatakan kepalsuan dan menjelaskan kebatilannya. Pengkajian yang berfaedah ini bertepatan dengan keinginan yang ada dalam diri penulis kerana penulis tahu bahawa orang Islam amat memerlukan kepada buku seperti ini yang boleh menghilangkan cerita-cerita dongeng yang dikaitkan dengan tafsiran Kitab Allah SWT serta segala khurafat dan pembohongan. Ia hampir-hampir mengalahkan tafsiran yang *sahih* terhadap Kitab Allah SWT dan hampir-hampir melindungi banyak keistimewaan, keindahan dan hidayah-Nya yang merupakan hidayah yang paling tepat dan kukuh. Firman Alah SWT:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰٓئِيمِ ...

Maksudnya: “Sesungguhnya *Al-Qur'an* ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam) ...

(Surah al-Israa': 9)

Pendustaan dan cerita dongeng rekaan ini hampir-hampir menghilangkan aqidah yang terdapat dalam *al-Qur'an* yang merupakan aqidah yang paling benar, diterima oleh Allah SWT, paling sesuai dengan fitrah manusia, paling hampir kepada pemikiran akal manusia dan paling menyentuh hati. Khurafat dan dongengan rekaan manusia dalam tafsir ini memaparkan Islam kepada para pengkaji dan peneliti pada zaman kemajuan ilmu ini dengan gambaran agama yang mengandungi khurafat dan rekaan-rekaan. Ini kerana kitab Islam yang

Kata Pengantar

terbesar ialah al-Qur'an, sedangkan tafsirnya pula mengandungi banyak perkara yang bercanggah dengan hakikat ilmu dan sunnah-sunnah Allah SWT di alam ini. Pengarang kitab-kitab tafsir seperti ini ialah dalam kalangan ulama' Islam malah mereka adalah dalam kalangan tokoh mereka. Tafsiran seperti inilah yang mengambarkan rupa bentuk Islam dan pemikiran umat Islam. Contoh *Isra'iliyyat* dalam tafsir ialah seperti yang diriwayatkan tentang umur dunia iaitu tujuh ribu tahun. Riwayat tentang asal kejadian manusia, rahsia kewujudan alam, huraian beberapa fenomena alam seperti guruh, kilat, gerhana matahari dan gerhana bulan, air perigi menjadi sejuk di musim sejuk dan menjadi panas di musim panas. Antara lain lagi, seperti yang diriwayatkan dalam mentafsirkan (ؑ) dengan menyatakan bahawa ia adalah sebuah bukit yang mengelilingi bumi, mentafsirkan firman Allah SWT (ؑ) dengan menyatakan bahawa ia adalah ikan paus yang di atasnya terletak bumi, kisah-kisah para nabi dan rasul yang berlandaskan riwayat palsu yang tidak layak dengan kedudukan dan sifat masum mereka sebagai nabi dan kisah-kisah seumpamanya. Alangkah banyaknya rekaan-rekaan palsu ini dalam kitab-kitab tafsir al-Qur'an.

Memang benar, ramai orang yang telah menuntut supaya penulis mengarang kitab yang menzahirkan kebenaran, menyerahkan kebatilan dan menghapuskan segala timbunan rekaan-rekaan palsu dan *Isra'iliyyat* dalam tafsir kitab Allah SWT. Ini kerana penulis telah memberi tumpuan dan perhatian secara mendalam terhadap perkara-perkara asing yang dimasukkan ke dalam kitab-kitab tafsir dan seumpamanya semenjak zaman penulis menuntut ilmu lagi serta penulis telah menolak segala tohmahan terhadap Kitab Allah SWT dan Rasulullah SAW yang masih dan sentiasa berlaku.

Dosa besar ini telah didokong oleh para Orientalis. Mereka telah mendapati *Isra'iliyyat* dan rekaan-rekaan ini boleh memenuhi keinginan mereka, memuaskan keta'saban dan marah mereka yang keji serta mengubati jiwa mereka yang sakit dan hasad terhadap Islam, nabinya dan al-Qur'an. Kedengkian dan dendam ini dianggap sebagai lanjutan kepada siri Peperangan Salib yang telah mereka lancarkan terhadap Islam dan Muslimin dan yang masih lagi berlaku hingga zaman kita ini dengan pelbagai bentuk.

Apa yang menghairankan dalam tindakan para Freemason dan Orientalis itu ialah sewaktu mereka mencapai kemenangan yang mereka warisi, mereka telah mengatakan bahawa hadith-hadith *maudhu'* dan rekaan yang diada-adakan itu adalah *sahih* sedangkan dalam masa yang sama mereka telah menjadikan

banyak hadith-hadith *sahih* sebagai hadith *maudhu'* sekalipun hadith-hadith itu terdapat dalam Kitab *Sahih* Bukhari dan Muslim yang merupakan kitab karangan manusia yang paling *sahih*. Contoh bagi kes ini ialah hadith yang diriwayatkan secara dusta dan palsu tentang perkahwinan Nabi SAW dengan Saidatina Zainab binti Jahsy dan hadith yang diriwayatkan tentang kisah al-Gharaniq yang merupakan antara perbuatan yang dilakukan oleh orang Yahudi Parsi dan seumpama mereka yang tidak mengaku tuhan. Hadith-hadith seumpama itu yang digembar-gemburkan, ditokok tambah dan diulang-ulang oleh para Orientalis dan pendakwah Kristian.

Paling menyedihkan ialah sesetengah pelajar dan orang yang terpelajar yang telah menerima pendidikan yang bukan pendidikan Islam terutama yang dilahirkan dan dididik oleh Eropah sendiri serta menggunakan nama orang Islam, telah mengikut ketua-ketua mereka para Orientalis sebagaimana yang mereka dakwa dan telah menjadi trompet mereka. Mereka mengulang-ulang apa yang diperkatakan oleh para Orientalis sebagai orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Oleh itu, mereka telah berjaya memasukkan racun ini ke dalam para cendekiawan dalam kalangan Muslimin.

Mereka yang belajar dari Eropah ini adalah lebih bahaya berbanding dengan guru-guru mereka dalam kalangan Orientalis dan Missionari. Ini kerana para pembaca Muslim akan berhati-hati (sekalipun tidak sepenuhnya) terhadap pendapat yang dikemukakan oleh para Orientalis dan Missionari itu atau pun tidak akan cenderung kepada mereka sepenuhnya. Sebaliknya para pembaca akan lebih mudah terpedaya dan tertipu dengan penulis Muslim. Tempoh yang telah ditetapkan bagi penulis menyiapkan buku ini ialah tiga bulan tetapi penulis telah mensyaratkan tempohnya selama enam bulan. Setiausaha Agung *Majma' al-Buhuth* telah bersetuju dengan tempoh tersebut. Tetapi apalah yang dapat dilakukan dalam tempoh enam bulan, sedang penulis menjadi Ketua Jabatan Kuliah Usuludin di Universiti al-Azhar di Asyut. Untuk pengetahuan pembaca sekalian, penulislah yang telah mengasaskan cawangan Universiti al-Azhar di Asyut.

Penulis memberikan beberapa syarahan di Kuliah Usuludin dan kuliah yang lain-lainnya. Pada beberapa bulan seperti bulan Ramadhan, Muharram dan Rabi'ulawwal, penulis menyampaikan kuliah umum hampir sepanjang bulan. Ia merupakan usaha yang meletihkan bagi seorang pemuda, lebih-lebih lagi orang

Kata Pengantar

tua yang dibebankan dengan pelbagai tanggungjawab dan bebanan. Maka tidak hairanlah enam bulan yang diberikan telah menjadi berganda-ganda. Setelah Profesor Dr. Sheikh Muhammad Abdur Rahman Baisar menjawat Jawatan Setiausaha Agung *Majma'* dan orang yang sebelum beliau telah menjadi Ahli Lembaga al-Azhar, beliau telah mengulangi keinginan menghasilkan buku yang bermanfaat dan berfaedah ini. Oleh itu, penulis tiada pilihan lain kecuali melipatgandakan usaha penulis dan terpaksa kerap berjaga malam. Penulis meneruskan pengkajian sehingga selesai menulis buku yang penulis yakin ia merupakan kewajipan yang utama ke atas ulama' Muslimin.

Topik ini bukanlah suatu yang mudah yang boleh ditangani oleh seorang individu, memerlukan kepada gabungan tenaga dan usaha dalam kalangan para pakar dan dua bidang usul iaitu al-Qur'an dan as-Sunnah termasuk Ulum al-Qur'an, Ulum al-Hadith dan ilmu-ilmu Islam yang lain. Mereka hendaklah mempunyai pengetahuan tentang kemajuan ilmu dalam bidang perubatan, astronomi, sistem alam semesta, ilmu sosial, ilmu jiwa, ilmu tentang bangsa-bangsa dan sebagainya supaya ia dapat menguatkan lagi kebatilan *Isra'iliyyat* serta kesesatannya yang berdasarkan teori ilmu yang telah diperakui. Oleh itu, para pakar ini telah melakukan kritikan dan semakan sama ada secara luaran atau dalaman terhadap buku ini. Secara luarannya mereka telah menyemak dari segi *sanad* manakala dari segi dalaman pula mereka telah menyemak dari aspek *matan* serta dari aspek *naqli*, *aqli* dan ilmiah. Mereka melakukan penambahan terhadap kekurangan yang ada.

Akan tetapi sekiranya kita menunggu sehingga terbentuknya kumpulan pakar ini lalu baru hendak melakukan kerja nescaya kita akan memerlukan beberapa kurun dan kita tidak akan berjaya menyiapkan kerja. Malah kadang-kadang kumpulan pakar ini tidak sependapat tentang kebanyakan masalah *Isra'iliyyat* dan hadith-hadith *maudhu'* kerana pembentukan pendidikan mereka bukannya melalui satu cara. Ini merupakan tabiat manusia pada setiap masa. Dalam kalangan mereka, ada yang terlalu ekstrim, ada yang terlalu memudahkan dan ada pula yang bersikap pertengahan. Oleh itu penulis berpendapat penulis tidak perlu takut untuk menulis topik yang besar sekadar menunaikan tanggungjawab fardhu bagi pihak ulama' Muslimin. Penulis memohon pertolongan Allah SWT serta taufiq dan petunjuk-Nya.

Sekarang penulis telah menyempurnakan apa yang telah penulis janjikan dan penulis mengemukakan apa yang telah penulis hasilkan. Sekiranya apa

yang dihasilkan penulis ini benar, maka ia adalah datang daripada Allah SWT dan sekiranya ia satu kesilapan diri, maka ia adalah daripada kesilapan penulis dan daripada syaitan. Apa yang pentingnya penulis telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dan telah mencerahkan segala tenaga yang ada. Penulis sekali-kali tidak berhenti memohon ganjaran daripada Allah SWT. Benarlah Rasulullah SAW telah bersabda:

إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاحْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ فَلَهُ أَجْرٌ وَإِذَا حَكَمَ
فَاحْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ

Maksudnya: “Apabila seseorang hakim menjatuhkan hukuman kemudian hukuman yang ditetapkan itu benar maka dia mendapat dua ganjaran, sekiranya dia berijtihad lalu salah, maka dia mendapat satu ganjaran.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Tajuk yang dicadangkan untuk buku ini ialah *Isra'iliyyat* dalam Kitab-kitab Tafsir. Tetapi penulis berpendapat lebih baik menggabungkan hadith-hadith *maudhu'* dan *Isra'iliyyat* dalam kitab-kitab tafsir kerana dalam kitab ini terdapat hadith-hadith *maudhu'* yang mendatangkan bahaya ke atas Islam dan Nabi SAW. Contohnya ialah hadith yang dicipta oleh golongan Zindiq dan orang Yahudi, Majusi, Nasrani dan lain-lain dalam kalangan musuh Islam yang berupa kisah-kisah dan riwayat-riwayat yang tidak sepatutnya berlaku ke atas Nabi SAW dan mencerminkan Islam dengan gambaran yang khurafat. Antara hadith-hadith *maudhu'* ialah hadith yang dicipta kesan atau akibat dari perselisihan politik, agama dan mazhab. Antaranya ialah hadith yang dicipta oleh satu kaum yang mendakwa (amat buruklah dakwaan mereka) bahawa mereka berkhidmat untuk Islam dan hendaklah menggalakkan manusia kearah Islam. Contohnya ialah hadith-hadith yang menyatakan fadhilat-fadhilat al-Qur'an dan surah-surah yang ada dalamnya, kelebihan individu, zaman dan tempat. Sesetengah golongan sufi dan zuhud telah mengharuskan menciptakan hadith dengan tujuan menggalakkan manusia beribadat dan menakutkan mereka melakukan dosa serta mendakwa (dengan jahilnya) bahawa perbuatan itu terserah kepada Allah SWT. Apa yang

Kata Pengantar

menyediakan ialah sesetengah ahli ilmu masih lagi mengulang-ulang riwayat seumpama ini dan mereka telah berjaya mendapat tempat di hati masyarakat awam sedangkan ramai dalam kalangan *huffaz* dan ulama' telah menyatakan bahawa ia adalah hadith atau riwayat *maudhu'*.

Oleh yang demikian kegunaan kitab ini adalah amat besar dan hasilnya adalah amat menyeluruh. Tidak ketinggalan juga pada kesempatan ini, penulis ingin mengucapkan terima kasih atas usaha yang dilakukan oleh rakan-rakan kami terutama Profesor Dr. Sheikh Muhammad Husain al-Zahabi, profesor di kuliah Usuluddin menerusi kitabnya *al-Tafsir al-Mufassirun* serta dalam tulisannya yang bernilai yang telah diedarkan oleh *Majma'al-Buhuth al-Islamiah* di Universiti al-Azhar.

Ada yang berpendapat adalah tidak perlu kepada kitab-kitab tafsir yang mengandungi hadith-hadith *maudhu'* dan *Isra'iliyyat* yang merosakkan Islam dan Muslimin serta yang membawa wabak dan serangan ini daripada musuh-musuh Islam. Ini dapat dicapai dengan menghapuskan dan membakar kitab-kitab itu supaya orang ramai tidak dapat membacanya. Adalah memadai dengan membaca kitab-kitab tafsir yang tidak mengandungi hadith-hadith *maudhu'* dan *Isra'iliyyat* serta menulis tafsir lain yang tidak mengandungi kekaburuan dan kandungan yang tidak dikehendaki ini. Pendapat ini merupakan pendapat yang melampau dan keterlaluan. Ini kerana tidak ragu lagi bahawa di samping *Isra'iliyyat* yang ada dalam kitab-kitab ini, ia banyak mengandungi ilmu pengetahuan Islam yang asli kebaikan dan kebenaran yang ada dalamnya adalah lebih banyak berbanding kejahatan dan kebatilan. Adakah untuk menghapuskan kejahatan kita turut hendak menghapuskan kebaikan? Penulis yakin bahawa perbuatan ini tidak harus dilakukan dari segi akal dan syarak.

Pandangan ini juga tidak mungkin dapat dilaksanakan secara praktikal kerana sekiranya kita menghapuskan tafsir-tafsir yang ada di tempat-tempat awam, maka bagaimana pula kita hendak menghapuskannya di simpanan-simpanan peribadi? Ada dalam kalangan mereka yang membeli dan menyimpannya secara peribadi. Seseorang itu tidak berhak merampas harta orang lain dan menghapusnya dengan memberikan alasan seperti alasan ini.

Sebenarnya pendapat ini mengandungi unsur melampau dan keterlaluan dan tidak mungkin dapat dilaksanakan secara praktikal. Sekiranya pada zaman percetakan kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith *maudhu'* dan *Isra'iliyyat*

Isra'iliyyat & Hadith palsu Dalam Kitab-kitab Tafsir

ini ada orang yang sedar dan mempunyai kepakaran dalam membezakan antara hadith *sahih* dan hadith *dhaif*, membezakan antara *Isra'iliyyat* dan bukan *Isra'iliyyat* dan membuat semakan terhadap kitab-kitab ini ketika hendak mencetaknya, nescaya kita akan terpelihara dari kejahanatan *Isra'iliyyat* dan pendustaan ini serta ia tidak akan meracuni akal dan pemikiran.

Begitu juga kisah-kisah *Isra'iliyyat* dan *maudhu'* ini sekalipun tidak mempunyai nilai keagamaan dan perundangan dengan menisbahkannya kepada Nabi SAW atau kepada para sahabat RA kerana ia adalah rekaan terhadap mereka sahaja, akan tetapi bagi sesetengah pengkaji dan pengarang yang mengarang berkenaan peranan akal dalam Islam, ia mempunyai nilai ilmiah. Ini kerana ia menunjukkan tamadun semasa, pemikiran orang yang mengarangnya, perkongsian budaya dan pengaruh satu budaya ke atas budaya lain. Orang yang mencipta kisah itu dan menisbahkannya kepada para sahabat tidak terkeluar daripada suasana yang ada dan tidak lari daripada semangat yang ada pada masa itu, hanya orang yang terpengaruh dan mempengaruhi. Pendapat ini telah ditolak oleh sesetengah pengkaji dalam buku mereka.¹ Tetapi penulis tidak dapat menerima pemikiran ini kerana ia akan meracun pemikiran dan akan merosakkan tafsir dan hadith. Ia mempunyai kesan buruk terhadap buku-buku Islam. Ia akan memudharatkannya lebih daripada memberikan manfaat yang didakwa-dakwakan itu.

Tidak ada jalan lain melainkan dengan mengikut jalan yang ketiga iaitu pendapat mereka yang mengatakan bahawa hendaklah didedahkan *Isra'iliyyat* dan hadith-hadith *maudhu'* ini dan menolaknya dengan menggunakan akal dan nas serta menjelaskannya bahawa ia adalah sesuatu yang dibawa masuk ke dalam Islam, yang dicampur adukkan ke atas riwayat Islamiah serta menjelaskan dari mana ia datang dan masuk. Ini dapat dilakukan dengan mengarang sebuah buku atau banyak buku yang membicarakan tentang topik ini dan menyebarkan seluas-luasnya supaya semua orang yang terpelajar dan penuntut ilmu dapat memanfaatkannya. Malah ia turut digunakan oleh setiap orang yang boleh membaca. Dengan itu, kita akan dapat menghapuskan kejahanatan dan racun-racun *Isra'iliyyat* yang merosakkan akal kebanyakan orang menerusi kitab-kitab tafsir terutamanya orang awam. Mereka membawa cerita dengan mengatakan bahawa

1. Dia ialah al-Ustaz Ahmad Amin Rahimahullah dalam kitabnya, *Fajar al-Islam*, ms. 251 dan *Duha al-Islam*, jil. 2, ms. 143.

Isra'iliyyat & Hadith palsu Dalam Kitab-kitab Tafsir

Dalam pengkajian dan perbincangan ini, penulis tidak bertujuan hendak meneliti kitab satu demi satu. Ini akan memerlukan perbahasan yang panjang, akan berlaku pengulangan atau akan menggantikan apa yang luput. Tetapi penulis akan membentang dan membawa perbincangan berkenaan *Isra'iliyyat* dan hadith-hadith *maudhu'* ini dari aspek *aqli* dan *naqli* dengan berpandukan pendapat-pendapat ulama' dan *huffaz* hadith serta imam-imam pengkritik yang menjadi rujukan dalam menyatakan kesahihan dan *kedhaifan* hadith, membezakan antara yang berguna dan yang tidak berguna, antara yang ditolak dan yang diterima, dan juga mereka menggabungkan antara apa yang terhasil melalui pemikiran akal dan apa yang dibawa secara *naqli*.

Begitu juga dengan orang lain yang tidak termasuk dalam kalangan para *huffaz* hadith, akan tetapi mereka turut membincangkan dan menolak *Isra'iliyyat* dan hadith-hadith *maudhu'* ini dari aspek akal dan pendapat. Penulis menambah apa yang mereka perkatakan dengan menggunakan *Ulum Hadith* yang dipelajari dan teori-teori ilmiah baru yang masih belum ada pada zaman mereka serta dengan menggunakan pengetahuan yang dikurniakan kepada penulis oleh Allah SWT melalui pembelajaran penulis tentang al-Qur'an dan hadith. Kemudian penulis akan menyatakan tempat-tempatnya dalam kitab-kitab tafsir yang telah penulis sebutkan tanpa menolaknya serta dengan menjelaskan nas yang membuktikan kebatilan dan kesesatannya atau memberikan peringatan tentangnya supaya pembaca tafsir-tafsir ini mengetahui dengan jelas tentang kisah-kisah dan hadith-hadith yang diriwayatkan ini dan berhati-hati daripada tertipu atau mengatakan ia benar.

Penulis bermohon kepada Allah SWT agar mengilhamkan kebenaran dan petunjuk serta membantu penulis dengan semangat daripada-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Memperkenankan permintaan hamba-Nya.

Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah

Beliau merupakan salah seorang daripada ulama' al-Azhar al-Syarif dan pakar dalam dua bidang iaitu al-Qur'an dan as-Sunnah.

Muharram, 1391 H

Mac, 1971 M

BAB PERTAMA

PENGERTIAN *ISRA’ILIYYAT*, HADITH *MAUDHU’* DAN TAFSIR

Metode kajian terperinci menuntut kita supaya menjelaskan erti perkataan *Isra’iliyyat*, apa yang dikehendaki dengan perkataan hadith dan tafsir serta *takwil* supaya pembaca dapat memahaminya dengan tepat.

Isra’iliyyat

Isra’iliyyat adalah kata jamak bagi perkataan *Isra’iliyyat* yang dinisbahkan bagi Bani Israil. Israil ialah Yaakob AS yang bermaksud hamba Allah SWT. Bani Israil ialah anak-anak Nabi Yaakob AS dan keturunan seterusnya yang lahir daripada mereka sehingga ke zaman Nabi Musa AS dan para nabi seterusnya sehingga zaman Nabi Isa AS dan zaman Nabi Muhammad SAW.

Mereka telah dikenali sebagai orang Yahudi sejak dari zaman dahulu lagi. Mereka yang beriman kepada Nabi Isa AS telah diberikan nama sebagai orang Nasrani. Manakala mereka yang beriman kepada penyudah segala nabi pula telah termasuk ke dalam lingkungan orang Islam dan dikenali sebagai Ahli-ahli Kitab yang beriman.²

Allah SWT telah banyak mengistilahkan mereka sebagai Bani Israil dalam al-Qur'an kerana hendak memperingatkan mereka kepada bapa mereka iaitu nabi yang soleh supaya mereka menjadikannya sebagai ikutan dan berakhhlak dengan akhlaknya. Ia juga bertujuan supaya mereka meninggalkan keingkaran terhadap nikmat Allah SWT yang diberikan kepada mereka dan kepada bapa-

2 Nama ahli Kitab digunakan untuk orang Yahudi dan Nasrani, akan tetapi kebiasaan dalam keadaan ini yang dimaksudkan dengan Ahli Kitab ialah orang Yahudi kerana mereka adalah orang yang tinggal di Madinah dan disekelilingnya. Kebanyakan besar daripada *Isra’iliyyat* adalah datang daripada orang Yahudi.

bapa mereka serta menghindarkan diri daripada sifat kufur, keji dan khianat yang ada pada mereka. Begitu juga Allah SWT menyebutkan mereka sebagai orang Yahudi dalam lebih dari satu ayat. Kitab orang Yahudi yang termasyhur ialah Kitab Taurat. Allah SWT telah menyebut tentangnya dalam firman-Nya yang bermaksud:

الْمَرْءُ إِلَّا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۚ نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ
بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنْزَلَ التُّورَةَ وَالْإِنْجِيلَ ۚ مِنْ
قَبْلِ هُدَىٰ لِلنَّاسِ وَأَنْزَلَ الْفُرْقَانَ ۗ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِإِيمَانِ اللَّهِ
لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو أَنْتِقَامٍ ۝

Maksudnya: “Alif, Laam, Miim. Allah tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan sekalian makhlukNya. Ia menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci (*Al-Quran*) dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripadanya, dan Ia juga yang menurunkan Kitab-kitab Taurat dan Injil. Sebelum (*Al-Quran* diturunkan), menjadi petunjuk bagi umat manusia. Dan Ia juga yang menurunkan *Al-Furqaan* (yang membezakan antara yang benar dengan yang salah). Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah itu, bagi mereka azab seksa yang amat berat. Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi berhak membala dengan azab seksa (kepada golongan yang bersalah).”

(Surah ali ‘Imran: 1-4)

Firman Allah SWT lagi:

إِنَّا أَنْزَلْنَا الْتُّورَةَ فِيهَا هُدَىٰ وَنُورٌ يَحْكُمُ بِهَا النَّبِيُّونَ
الَّذِينَ أَسْلَمُوا لِلَّذِينَ هَادُوا وَالرَّسُولُونَ وَالْأَحْبَارُ بِمَا

أَسْتُحْفِظُ أُمَّنِ كِتَابَ اللَّهِ وَكَانُوا عَلَيْهِ شُهَدَاءَ
فَلَا تَخْشُو الْأَنَاسَ وَأَخْشُونَ وَلَا تَشْتَرُوا بِإِيمَانِكُمْ ثَمَنًا
قِيلَّاً وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ
هُمُ الْكَافِرُونَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat, yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menerangi; dengan Kitab itu nabi-nabi yang menyerah diri (kepada Allah) menetapkan hukum bagi orang-orang Yahudi, dan (dengannya juga) ulama mereka dan pendita-peditanya (menjalankan hukum Allah), sebab mereka diamanahkan memelihara dan menjalankan hukum-hukum dari Kitab Allah (Taurat) itu, dan mereka pula adalah menjaga dan pengawasnya (dari sebarang perubahan). Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi hendaklah kamu takut kepadaKu (dengan menjaga diri dari melakukan maksiat dan patuh akan perintahKu); dan janganlah kamu menjual (membelakangkan) ayat-ayatKu dengan harga yang sedikit (kerana mendapat rasuah, pangkat dan lain-lain keuntungan dunia); dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir.”

(Surah al-Maai'dah: 44)

Apa yang dimaksudkan dengan kitab dalam ayat ini ialah Taurat yang diturunkan oleh Allah SWT sebelum berlaku penyelewengan dan perubahan. Manakala Taurat yang telah diubah dan diselewengkan maka tidak semua kandungannya menjadi hidayah dan cahaya terutama selepas turunnya al-Qur'an yang merupakan saksi dan pembatal terhadap kitab-kitab samawi yang sebelumnya. Kandungan kita-kitab tersebut yang menepati kandungan al-Qur'an adalah satu kebenaran dan kandungan yang bercanggah dengannya adalah satu kebatilan.

Isra 'iliyyat & Hadith palsu Dalam Kitab-kitab Tafsir

Antara kitab mereka juga ialah Kitab Zabur iaitu kitab Nabi Daud AS dan lembaran-lembaran para nabi yang datang selepas Nabi Musa AS. Taurat dan seluruh lembaran serta lain-lainnya dinamakan sebagai Perjanjian Lama.

Di samping Kitab Taurat yang berbentuk tulisan, orang Yahudi mempunyai *Talmud* iaitu Taurat yang berbentuk lisan. *Talmud* ialah kumpulan kaedah, pesanan dan *syari'at* agama dan akhlak, syarah-syarah, tafsiran-tafsiran dan ajaran-ajaran yang riwayatnya dipindahkan dan dipelajari menerusi lisan dari satu ketika ke satu ketika lain. Ruang lingkup mempelajarinya menjadi semakin luas hingga ke satu tahap yang sangat besar sehingga susah untuk dihafal dalam ingatan. Oleh kerana pengajian dan pembelajaran terhadap kitab ini memakan masa yang panjang, untuk memelihara pelbagai pendapat dan nas-nas yang mempunyai susunan yang bermacam-macam serta kerana takut lupa dan keluputannya lantaran masa yang berlalu terutama ketika masa kesempitan dan kekacauan maka mereka yang bertugas sebagai penulis telah menulis sebagai satu cara pemeliharaan terhadap Taurat.

Antara penghuraian Taurat, kandungan-kandungan lembaran, syarah *Talmud*, dongengan-dongengan, khurafat-khurafat dan cerita-cerita batil yang mereka ada-adakan atau yang mereka pindahkan daripada orang lain, ada yang menjadi budaya dan pengetahuan orang-orang Yahudi. Semua ini merupakan punca-punca asli bagi *Isra 'iliyyat* yang banyak terdapat dalam sesetengah kitab-kitab tafsir, buku sejarah, kisah-kisah dan peringatan-peringatan. Sekiranya sumber-sumber ini mempunyai kebenaran namun ia banyak mengandungi kebatilan. Sekiranya ia benar namun ia tetap mempunyai pendustaan yang terang-terangan. Sekiranya di dalamnya mengandungi manfaat maka ia tetap mempunyai banyak mudharat. Oleh itu, ia membawa kepada *Isra 'iliyyat*. Sesetengah pengkaji meluaskan lagi ruang lingkup yang terkandung dalam buku-buku pengetahuan orang Yahudi dan Nasrani yang berkisar sekitar penghuraian Kitab-kitab Injil, sirah perjalanan rasul dan sebagainya. Hanya ia dinamakan sebagai *Isra 'iliyyat* kerana kebanyakannya adalah datang dari ilmu pengetahuan Bani Israil atau dari kitab-kitab mereka atau dari cerita dongengan dan batil yang mereka ada-adakan.³ Sebenarnya cerita-cerita dongeng dari agama Masihi dan Nasrani yang ada dalam kitab tafsir adalah sedikit jika dibandingkan dengan *Isra 'iliyyat-isra 'iliyyat* yang ada. Ia juga tidak mempunyai kesan yang buruk sebagaimana yang ada pada *Isra 'iliyyat* kerana kebanyakannya berkisar sekitar akhlak, peringatan, mendidik jiwa dan melembutkan hati.

³ *Tafsir Mufassirun*, jld. 1, hlm. 165

Hadith *Maudhu'* (*al-Maudhu'at*)

Ia adalah kata jamak bagi perkataan *maudhu'*. Ia adalah *isim maf'ul*. Dalam bahasa Arab (وضع شيئاً بضعة وضعاً) bermakna meletakkan atau menjatuhkannya. Atau ia diambil daripada (وضعت المرأة ولدها إذا ولدته) iaitu apabila perempuan itu melahirkan anaknya. Manakala menurut istilah para imam hadith, *maudhu'* bererti hadith yang diada-adakan secara dusta ke atas Rasulullah SAW atau ke atas para sahabat dan tabi'in selepas Baginda. Akan tetapi apabila perkataan *maudhu'* ini digunakan secara umum maka ia adalah hadith yang direka-reka ke atas Nabi SAW. Manakala *maudhu'* ke atas selain Baginda akan dikaitkan seperti orang mengatakan hadith *maudhu'* ke atas Ibnu Abbas atau ke atas Mujahid. Persesuaian antara pengertian makna dari segi bahawa Arab iaitu jatuh atau meletakkan, maka ia sesuai kerana hadith *maudhu'* tidak boleh diambil kira. Manakala berdasarkan makna kedua iaitu ibu melahirkan anak adalah sesuai kerana dalam hadith *maudhu'* itu ada erti melahirkan dan sebab dalam kewujudannya. *Maudhu'* dari segi fakta dan nasnya adalah dua jenis:

1. Seseorang itu mencipta sendiri satu-satu susunan kalam kemudian menisbahkannya kepada Nabi SAW atau kepada sahabat atau tabi'in.
2. Seseorang itu menggunakan satu-satu pertuturan sahabat atau tabi'in, hukama', orang sufi atau apa yang diriwayatkan dalam *Isra 'iliyyat* kemudian menisbahkannya kepada Rasulullah SAW supaya ia laku dan diterima.

Contoh kalam sahabat yang dikatakan hadith ialah:

أَحِبْ حَبِيبَكَ كَمَا هُؤُنَا مَا، عَسَى أَنْ يَكُونَ بِغَيْضَكَ يَوْمًا
مَا وَأَبْغَضْ بِغَيْضَكَ هُؤُنَا مَا، عَسَى أَنْ يَكُونَ حَبِيبَكَ يَوْمًا مَا

Maksudnya: “Cintailah orang yang engkau cintai seberapa ringan yang boleh kerana boleh jadi pada suatu hari kelak dia akan menjadi orang yang engkau benci dan bencilah orang yang engkau benci seberapa ringan yang boleh kerana boleh jadi pada suatu hari kelak dia akan menjadi orang yang engkau cintai.”

Isra'iliyyat & Hadith palsu Dalam Kitab-kitab Tafsir

Sebenarnya kata-kata ini adalah daripada ucapan Saidina Ali KRWJ.

Contoh hadith *maudhu'* berasal dari kata-kata tabi'in ialah hadith yang bermaksud:

"Engkau di dunia ini seolah-olah tidak ada dan di akhirat seolah-olah sentiasa wujud."

Ia diambil daripada kata-kata Umar bin Abdul Aziz RA. Contoh hadith *maudhu'* yang diambil dari kalam hukama' ialah hadith yang bermaksud:

"Perut ialah rumah penyakit dan perut yang kosong ialah kepala segala ubat."

Sebenarnya ia diambil daripada kata-kata al-Haris bin Kalidah, seorang doktor Arab.

Contoh hadith *maudhu'* yang diambil daripada kata-kata orang sufi ialah hadith yang bermaksud: *"Aku adalah khazanah yang tersembunyi lalu Aku ingin dikenali. Maka Aku menciptakan makhluk lalu Aku memperkenalkan mereka kepada Aku lalu mereka mengenaliku."*

Contoh hadith *maudhu'* yang diambil dari *Isra'iliyyat* ialah hadith yang bermaksud:

"Aku tidak dapat disaingi oleh langit dan bumi-Ku akan tetapi, Aku disaingi oleh keluasan hati orang Mukmin."

Imam Ibnu Taimiyyah berkata: "Ia adalah dari *Isra'iliyyat* dan ia tidak mempunyai punca yang diketahui berasal daripada Nabi SAW."

Contoh bagi kes ini lagi ialah hadith yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas yang bermaksud: *"Sesungguhnya umur dunia adalah tujuh ribu tahun."*

Hadith ini termasuk dalam *Isra'iliyyat*.

Sesungguhnya banyak *Isra'iliyyat-isra'iliyyat* yang telah dinisbahkan kepada Nabi SAW, sahabat, dan tabi'in dalam topik permulaan penciptaan, tempat

Pengertian *Isra 'iliyyat* Hadith *Maudhu'* dan Tafsir

kembali, berita umat-umat terdahulu, berkenaan alam semesta dan kisah-kisah nabi. Penulis akan menyebut kebanyakannya selepas ini. Sesetengah daripada hadith-hadith ini boleh mendatangkan bahaya terhadap agama.

Hukum Melakukan Pendustaan Terhadap Rasulullah SAW

Jumhur ulama' sama ada *Khalaf* atau *Salaf* telah sepakat mengatakan bahawa melakukan pendustaan terhadap Rasulullah SAW adalah termasuk dalam dosa besar. Orang yang melakukan perbuatan ini tidak menjadi kufur kecuali melakukan pendustaan terhadap Baginda sesuatu yang mustahil. Al-Imam Abu Muhammad al-Juwaini, bapa kepada Imam al-Haramain, menghukumkan lebih keras lagi orang yang melakukan perbuatan ini, beliau berkata: "Orang yang melakukan pendustaan terhadap Rasulullah SAW adalah menjadi kufur. Pendapat ini diriwayatkan daripada beliau oleh anaknya Imam Haramain. Iman al-Haramain berkata: Pendapat ini tidak didapati dalam kalangan ulama', sezaman denganannya. Ia adalah satu keberanian daripada bapa.

Pendapat Juwaini dipersetujui oleh al-Imam Nasiruddin bin Muhammad bin al-Munir al-Maliki dan ulama'-ulama' lain dalam kalangan Mazhab Hanbali. Al-Imam al-Zahabi turut bersetuju dengan mereka dalam hukum melakukan pendustaan terhadap Baginda dengan sengaja dalam perkara halal dan haram. Mungkin dalil yang menguatkan pendapat mereka ialah firman Allah SWT:

إِنَّمَا يَفْتَرِي الْكَذِبُ الَّذِي لَا يُؤْمِنُ بِعَائِدَتِ اللَّهِ

Maksudnya: "Sebenarnya yang tergamak berdusta itu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan mereka itu ialah orang-orang yang bertabikat berdusta."

(Surah al-Nahl 105)

Ayat ini telah menafikan keimanan daripada orang yang melakukan pendustaan terhadap Allah SWT. Pendustaan terhadap rasul bermakna melakukan pendustaan terhadap Allah SWT. Allah SWT berfirman:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۝ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

Maksudnya: “Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.”

(Surah an-Najm: 3-4)

Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ كَذِبَاً عَلَىٰ لَيْسَ كَكَذْبٍ عَلَىٰ أَحَدٍ فَمَنْ كَذَبَ عَلَىٰ مِتَعْمِداً فَلَيُبَوَّأْ
مَقْعِدَهُ مِنَ النَّارِ.

Maksudnya: “Sesungguhnya melakukan pendustaan terhadap aku tidak sama seperti melakukan pendustaan ke atas orang lain. Maka barang siapa yang melakukan pendustaan ke atas aku dengan sengaja maka bersedia lah tempat tinggalnya dalam api neraka.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadith ini telah diriwayatkan melalui *sanad* yang banyak sehingga ulama’ mengatakan bahawa ia adalah hadith *mutawatir*. Sabda Baginda yang bermaksud: “*Berdusta terhadapku adalah tidak sama seperti berdusta terhadap seseorang yang lain.*” Memberikan erti bahawa hukum melakukan pendustaan terhadap Baginda adalah tidak sama dengan hukum melakukan pendustaan terhadap orang lain. Melakukan pendustaan terhadap orang lain adalah dosa besar. Maka melakukan pendustaan terhadap Baginda adalah lebih hebat lagi dosa besarnya atau ia adalah dosa besar yang paling besar.

Melakukan pendustaan terhadap Nabi SAW membawa erti yang sama dengan melakukan pendustaan terhadap para sahabat dan tabi’in terutama dalam aspek yang tidak boleh dicampuri oleh pendapat manusia dan perkara yang tidak dapat diketahui melainkan melalui Tuhan yang menurunkan syariat. Ini kerana hadith yang lahir daripada sahabat dan tabi’in adalah menduduki tahap *marfu’* kepada Nabi SAW sebagaimana yang diberitahu oleh para imam hadith.⁴ Begitu

4 Ini adalah bagi yang diriwayatkan daripada sahabat. Manakala hadith yang diriwayatkan daripada tabi’in adalah berada pada tahap *marfu’* mursal dan di sana ada syarat lain berkaitan dengan hukum ini iaitu sahabat atau tabi’in itu hendaklah bukan daripada kalangan orang yang dikenali sebagai mengambil daripada Ahli Kitab yang beriman. Sekiranya tidak, maka ada kemungkinan hadith itu adalah termasuk dalam *Isra’ illiyat* (*Nuzhah al-Nazar fi Syarh Nukhbah al-Fikr* karangan al-Hafiz Ibnu Hajar, al-Tadrib karangan Sayuti hlm. 63-64).

Pengertian *Isra 'iliyyat* Hadith *Maudhu'* dan Tafsir

juga pendapat sesetengah *fujaha'* adalah diambil kira sebagai hujah dalam pembentukan hukum. Penulis tidak bersetuju dengan orang yang mengatakan bahawa mereka yang melakukan pendustaan adalah kufur. Apa yang dimaksudkan oleh Juwaini adalah melakukan pendustaan terhadap Nabi SAW.

Riwayat dengan makna adalah tidak termasuk ke dalam pendustaan. Ini kerana ia diharuskan oleh ulama' bagi orang yang arif dengan lafaz dan *maudhu'* secara mendalam, alim tentang syari'at dan *maqasidnya*, mahir tentang faktor yang mengubah makna dan mahir untuk menafsirkannya. Begitu juga ketika disemak semula ia tidak terkeluar daripada maksud lafaz yang asal.

Bagaimana kedudukan riwayat orang yang berdusta dalam meriwayatkan hadith sekiranya dia telah bertaubat?

Oleh kerana pendustaan terhadap Nabi SAW mempunyai kesan dalam merosakkan syariat dan menggugat agama jumhur ahli hadith berpendapat bahawa orang yang melakukan pendustaan satu hadith telah menjadi fasik, ditolak riwayatnya dan tidak boleh digunakan untuk berhujah sekalipun dia bertaubat dengan bersungguh-sungguh. Antara ulama' yang berpendapat sedemikian ialah Ahmad bin Hanbal, Abu Bakar al-Hamidi, al-Sairafi dan al-Sam'ani.⁵

Abu Bakar al-Sairafi berkata; “Semua orang yang telah kami tolak riwayatnya kerana kami dapati dia melakukan pendustaan terhadap Nabi SAW maka kami tidak akan menerima riwayatnya lagi sekalipun dia bertaubat dengan terang-terangan. “Abu al-Muzaffar al-Sam’ani berkata: “Sesiapa yang berdusta dalam satu hadith maka adalah wajib tidak menerima hadithnya yang telah lalu.”

Imam Nawawi tidak sependapat dengan pendapat para imam di atas. Beliau berkata “Pendapat al-Mukhtar adalah pasti taubatnya sah dalam masalah ini dan riwayatnya adalah diterima selepas dia bertaubat sekiranya taubatnya sah dengan memenuhi syarat-syaratnya.”⁶ Sebenarnya pendapat Iman al-Nawawi mempunyai bentuk pendalilan yang kuat. Akan tetap mazhab jumhur adalah lebih berhati-hati terhadap hadith-hadith dan lebih jauh daripada ada keraguan dalam riwayat. Oleh itu, kami berpendapat bahawa para Imam hadith amat menjaganya secara bersungguh-sungguh. Moga-moga Allah SWT memberikan ganjaran yang baik kepada mereka kerana menjaga Islam dan Muslimin.

5 *Ulum al-Hadith*, Ibnu al-Solah hlm. 128.

6 *Sahih Muslim* dengan *Syarh al-Nawawi*, jld. 1, hlm. 70.

Ingin membaca dengan lebih lanjut ?

Dapatkan naskhah tersebut di:

Bahagian Penerbitan Jakim,

Aras 1, Blok D9, Kompleks D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62519, W.P Putrajaya

No Tel: 03-8886 4575